



DR. MAHATHIR

Bahan2 perlu: K'jaan akan awasi dengan serius—Dr. M

KUALA LUMPUR, Rabu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohammad memberi jaminan, Kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, akan mengambil tindakan serius mengawasi pengeluaran dan pengedaran bahan-bahan keperluan bagi mengatasi kekurangan dan menentukan bekalan yang mencukupi.

Timbalan Perdana Menteri menegaskan demikian dalam jawapan bertulis kepada pertanyaan Encik Peter Paul Dason (DAP-Bukit Bendera) di Dewan Rakyat, petang ini.

Katanya, pada masa ini negara tidak mengalami kekurangan mancis dan jika adapun hanya berlaku secara kecil-kecilan.

Bellau menjelaskan pengeluaran mancis di negara ini dari Januari hingga Ogos 1980 sebanyak 241,941 kanton.

"Ini menunjukkan kadar kenalkan sebanyak 40 peratus daripada jumlah pengeluaran tahun lalu," katanya.

Bagaimanapun, kata bellau, kesukaran secara kecil-kecilan yang berlaku dari masa ke semasa adalah disebabkan pihak pengedar tidak begitu berminat mendapatkan bekalan

mancis daripada pengeluar-pengeluar untuk diedarkan kepada peruncit-peruncit.

"Mereka menganggap keuntungan yang diperolehi daripada perniagaan ini terlalu kecil," tambah bellau.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan, Kerajaan telah mengarahkan syarikat-syarikat pengeluar menjual terus kepada peruncit-peruncit.

Kerajaan, katanya, masih lagi mengkaji kesan yang timbul daripada peraturan ini dan diharap rancangan ini dapat berjalan dengan lancar.

Di samping tindakan itu, Kerajaan mempunyai rancangan-rancangan tertentu seperti membekalkan pengecualian ke atas cukai import kepada

pengedar-pengedar untuk membawa masuk mancis ke negara itu apabila keadaannya genting.

Mengenai masalah kekurangan gas pemasak, Kerajaan sedar kesulitan bekalan berlaku pada Julai dan Ogos lalu.

"Ini disebabkan sebuah syarikat pengeluar yang terbesar bagi barang tersebut menghadapi masalah mendapatkan bekalan minyak mentah yang sesuai dengan proses mengeluarkan gas pemasak," tegasnya.

Di samping itu, katanya, pada waktu yang sama syarikat-syarikat pengeluar menghadapi masalah mendapatkan bekalan tabung-tabung baru dari pembekal mereka kerana masalah-masalah tenaga pekerja.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri

11, 478

No. Pendaftaran

3091/78